

10 AUG 2001

PM AKAN RASMI PERSIDANGAN INTERNET TAMIL DI KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan Persidangan Internet Tamil 2001, di sini pada 26 Ogos.

Merupakan siri keempat, persidangan tiga hari itu disifatkan persidangan dan pameran antarabangsa terbesar mengenai Internet dan pengkomputeran dalam bahasa Tamil.

Sebelum ini, persidangan itu diadakan di Singapura (1997), India (1999), Singapura (2000), Kuala Lumpur (2001) dan tahun depan ia akan dianjurkan oleh Silicon Valley, California.

Ia dianjurkan bersama oleh Forum Antarabangsa bagi Teknologi Maklumat dalam bahasa Tamil (INFITT) dan Kongres India Malaysia (MIC), dengan presiden parti dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu selaku pengerusi penganjur. INFITT merupakan entiti bukan untuk mengaut keuntungan yang ditubuhkan eksklusif bagi acara itu, yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Pegawai Sekretariat Internet Tamil 2001 S. Anbucheliyan berkata persidangan itu akan dihadiri oleh kira-kira 800 perwakilan dari 10 negara termasuk wakil dari Amerika Syarikat, Switzerland, Singapura dan Sri Lanka.

Penceramah pada persidangan itu terdiri pakar dalam bahasa itu dan IT, kebanyakannya dari Amerika Syarikat, Singapura dan Malaysia.

Satu pameran juga akan diadakan semasa persidangan itu dengan kira-kira 75 ruang pameran yang mempamerkan Internet dalam bahasa Tamil terbaru, pencapaian pakar IT India serta penyertaan tempatan.

Sekretariat itu menjangkakan kira-kira 80,000 orang India dari seluruh negara akan menghadiri pameran itu.

-- BERNAMA

SR ZS RHM